



50 YEARS
ANNIVERSARY







Building
Infrastructures
Membangunkan Infrastruktur



Building
Communities
Membangunkan Komuniti



Building
Nations
Membangunkan Negara



EXPRESSWAYS
LEBUH RAYA



TOWNSHIP & PROPERTY DEVELOPMENT
PEMBANGUNAN PERBANDARAN & HARTANAH



ENGINEERING & CONSTRUCTION
KEJURUTERAAN & PEMBINAAN



ASSET & FACILITY MANAGEMENT
PENGURUSAN ASET & FASILITI




HUMBLE BEGINNINGS, LIMITLESS AMBITION

IMPIAN BESAR, DI SINI MULANYA

UEM Group Berhad (UEM Group), originally known as United Engineers (Malaysia) Limited was incorporated under the Companies Act 1965 on 10 March 1966 to take over the Malaysian activities of the Singapore-listed construction company, United Engineers Ltd.

UEM Group Berhad (UEM Group), dahulu dikenali sebagai United Engineers (Malaysia) Limited telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 pada 10 Mac 1966 untuk mengambil alih aktiviti-aktiviti United Engineers Ltd di Malaysia yang merupakan sebuah syarikat pembinaan yang tersenarai di Singapura.





On 15 April 1966, we changed our name to United Engineers (Malaysia) Sdn Bhd. Later, on 10 July 1975, we were listed on the Main Board of Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE). This led to another name change – United Engineers (Malaysia) Berhad. We assumed our present name, UEM Group, on 23 January 2007.

As an associate company of Renong Berhad (Renong), we were involved in several key activities, from expressway, manufacturing, trading and transportation, project management, engineering and construction, as well as energy and oil & gas.

Our key strengths include undertaking large privatisation projects, the first being the North-South Expressway which was completed fifteen months ahead of schedule. The project marked the fulfillment of the Government's vision to link the nation from north to south with an expressway.

Pada 15 April 1966, nama kami ditukar kepada United Engineers (Malaysia) Sdn Bhd. Kemudian pada 10 Julai 1975 syarikat telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Proses tersebut membawa kepada satu lagi pertukaran nama – United Engineers (Malaysia) Berhad. UEM Group pula didaftarkan secara rasmi pada 23 Januari 2007.

Sebagai sebuah syarikat bersekutu Renong Berhad (Renong), kami telah terlibat di dalam beberapa aktiviti utama yang merangkumi lebuhraya, pembuatan, perdagangan dan pengangkutan, pengurusan projek, kejuruteraan dan pembinaan, bidang tenaga dan sektor minyak & gas.

Tunjang kekuatan kami adalah penglibatan di dalam projek-projek penswastan mega seperti projek Lebuhraya Utara-Selatan yang berjaya disempurnakan lima belas bulan mendahului jadual dan seterusnya merealisasikan wawasan Kerajaan untuk menghubungkan negara, dari utara ke selatan melalui satu lebuhraya.



A BEACON OF MALAYSIAN RESILIENCE

ASPIRASI KEKUATAN DAN DAYA TAHAN MALAYSIA

During the 1997 Asian financial crisis, Malaysia faced an economic downturn. Against the backdrop of a lingering recessionary environment, we and our then shareholder, Renong, were severely challenged and tested with issues such as high corporate debts and cash flows constraints. This led to the implementation of a debt and management restructuring exercise. However, the restructuring remained unresolved.

Negara turut terkesan ketika krisis kewangan Asia 1997. Kami serta pemegang saham utama, Renong, melalui ujian dan cabaran getir seperti hutang korporat yang tinggi dan juga kekangan aliran tunai. Ini mendorong kepada inisiatif penstrukturan semula hutang dan pengurusan, namun ianya gagal dimuktamadkan.



In July 2001, the Government, through Khazanah Nasional Berhad and its wholly-owned subsidiary Danasaham, offered to take over United Engineers (Malaysia) Berhad in a RM3.8 billion transaction. The conditional voluntary offer to purchase all outstanding shares and warrants, including Renong's entire 37.9% stake was completed in September 2001. On 15 October 2001, we were taken private and delisted from the Official List of KLSE.

By the end of 2003, our debt burden had reduced significantly. Since the Danasaham rescue and subsequent corporate restructuring of Renong, we have not only restored investors' confidence but also emerged on firmer foundation. We are more focused than ever before with several of our subsidiaries having grown to become key companies in their respective sectors.

Pada bulan Julai 2001, Kerajaan, menerusi Khazanah Nasional Berhad dan anak syarikat milik sepenuhnya, Danasaham telah membuat tawaran untuk mengambil alih United Engineers (Malaysia) Berhad dalam satu urusan bernilai RM3.8 bilion. Tawaran sukarela bersyarat untuk membeli semua baki saham dan waran, termasuk 37.9% saham milik Renong, telah berjaya disempurnakan pada September 2001. Pada 15 Oktober 2001, kami telah dijadikan syarikat persendirian sepenuhnya apabila dinyah senaraikan daripada Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada akhir tahun 2003, beban hutang syarikat telah dapat dikurangkan dengan ketaranya. Sejak usaha Danasaham dan penyusunan semula korporat Renong dilaksanakan, keyakinan pelabur-pelabur telah kembali pulih. Kami muncul dengan asas yang lebih kukuh dan menjadi lebih fokus. Beberapa anak syarikat kami juga berkembang menjadi entiti-entiti utama dalam sektor masing-masing.



OUR ASPIRATION

ASPIRASI KAMI





From humble beginnings in Petaling Jaya, UEM Group, now operates from Mercu UEM, our state-of-the-art headquarters which was built based on the concept of “reaching for the sky” and our belief in endless possibilities.

Our home epitomises our DNA, capturing our belief in achievement, progress and dynamic growth.

Bermula dari sebuah pejabat di Petaling Jaya, UEM Group kini beroperasi di Mercu UEM, ibu pejabat kami yang dibina dengan konsep “menggapai langit” dan berlandaskan kepercayaan kami mengenai peluang tanpa batasan.

Ianya turut mencerminkan identiti kami untuk mendukung kepercayaan terhadap pencapaian, kejayaan dan pembangunan dinamik.

Our headquarters, Mercu UEM, KL Sentral
Ibu pejabat kami, Mercu UEM, KL Sentral

The stewardship and commitment of those before us has allowed us to play a fundamental role in the development of Malaysia, its infrastructure and economic growth.

We have witnessed many changes during our time — dramatic shifts in technology, global economic uncertainty and new market needs.

We have fought through hard times making tough decisions along the way but we have remained true to ourselves which allowed us to grow and thrive.

We are proud of the part we have developed in Malaysia's nation building efforts. UEM Group has developed many of Malaysia's public infrastructure and iconic projects that have helped our country gain a progressive reputation on the regional and global stage.

Kepimpinan dan komitmen mereka yang terdahulu telah memberi peluang kepada kami memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Malaysia, infrastrukturnya dan pertumbuhan ekonomi negara.

Kami menyaksikan banyak perubahan sepanjang kewujudan kami — perubahan yang dramatik dalam teknologi, ketidaktentuan ekonomi dunia dan keperluan baharu pasaran.

Banyak ranjau yang kami tempuhi, begitu juga dengan keputusan-keputusan sukar yang terpaksa dibuat. Namun kami tetap teguh dan terus berkembang maju.

Kami sesungguhnya berbangga dengan penglibatan kami dalam membangunkan Malaysia. UEM Group telah memainkan peranan utama dalam membangunkan banyak kemudahan infrastruktur awam dan projek-projek ikonik yang membantu negara ini untuk terus progresif di peringkat serantau mahupun di persada antarabangsa.





Part of the alignment of the New Klang Valley Expressway, Bukit Raja - Jalan Duta
Sebahagian daripada jajaran lebuh raya Lembah Kelang Baharu, Bukit Raja - Jalan Duta

Our 50th anniversary is significant as it provides us with an opportunity to celebrate the past, but more importantly it allows us to commit to the future.

While infrastructure has a practical use, it also fulfills an emotional need.

We focus on developing infrastructure in the belief that facilitating easier physical connections fosters unity, stimulate trade and drive economies.

Ulang tahun ke-50 signifikan untuk kami mengimbau semula segala usaha terdahulu. Dan ianya juga membuka ruang untuk kami lebih komited untuk masa akan datang.

Infrastruktur bukan sahaja diperlukan untuk kegunaan praktikal, namun ianya juga memenuhi keperluan emosi.

Kami menumpukan kepada pembangunan infrastruktur yang dipercayai mampu merapatkan hubungan antara insan bagi membentuk perpaduan, merangsang perdagangan dan memesatkan pertumbuhan ekonomi.

Jalan Duta, North-South Expressway
Jalan Duta, Lebuhraya Utara-Selatan







We build and maintain expressways that traverse the nation; we build properties and townships for communities to live and grow; we build bridges, urban transits and airports so that people are better connected; we build stadiums so sports can thrive; and we build and service hospitals so individuals are cared for.

Our unwavering commitment remains — to connect families and friends; to drive growth, business and economies; and to connect communities to enhance learning and education.

Kami membina dan menyelenggara lebuhraya yang merentasi negara; kami membina kediaman dan perbandaran untuk masyarakat menetap dan berkembang; kami membina jambatan, perkhidmatan transit dalam bandar dan lapangan terbang untuk jalinan perhubungan yang lebih baik; kami membina stadium supaya sukan dapat berkembang; dan kami membina dan menyelenggara hospital-hospital untuk kesejahteraan rakyat.

Komitmen kami tidak pernah goyah — untuk menghubungkan keluarga dan rakan; untuk memacu pertumbuhan, perniagaan dan ekonomi; serta menghubungkan masyarakat bagi mengukuhkan pembelajaran dan pendidikan.

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Bridge, Penang
Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pulau Pinang







Electrified Double Track between Ipoh and Padang Besar
Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar

For half a century we have continuously transformed but have never lost sight of who we are.

As our future journey unfolds, we will continue to reach out to all our stakeholders.

Our approachability and our ability to connect with people and understand their needs have been demonstrated for the past 50 years.

Untuk lebih setengah abad kami telah melalui pelbagai perubahan tetapi tidak pernah lupa akan asal usul kami.

Sambil menyusuri masa hadapan, kami akan terus berhubung dengan semua pihak berkepentingan.

Ciri kami yang mudah didekati serta kemampuan untuk berhubung dengan masyarakat dan memahami kehendak mereka telah terbukti sejak 50 tahun lalu.

OUR STORY THUS FAR

KISAH KAMI SEHINGGA KINI

**We have dedicated ourselves
to building the much-needed
infrastructure that has acted
as a springboard
for our nation's growth**

*Kami telah menyumbangkan
segala daya usaha untuk membina infrastruktur
yang diperlukan bagi melonjakkan
pertumbuhan negara*

“50 years ago we started with nothing but our enthusiasm to play a role to develop our country. Construction and engineering were used to build Malaysia’s infrastructure and bring people closer together.”

50 tahun dahulu kami hanya bermula dengan hasrat dan kesungguhan untuk membangunkan negara. Kami menggunakan kepakaran dalam bidang pembinaan dan kejuruteraan untuk membangunkan infrastruktur Malaysia serta merapatkan silaturahmi.

**We have
united
communities...**

*Kami telah
menghubungkan
masyarakat...*





**through
network of
expressways,**

*menerusi rangkaian
lebuhraya,*

Hospital Sungai Buloh Interchange, Selangor Darul Ehsan
Persimpangan Hospital Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan





through township & property development,

*menerusi
pembangunan
perbandaran
& hartanah,*

Artist impression of Gerbang Nusajaya, Iskandar Puteri
(formerly known as Nusajaya), Johor Darul Takzim

*Lakaran artis Gerbang Nusajaya, Iskandar Puteri
(dahulu dikenali sebagai Nusajaya), Johor Darul Takzim*





**through
bridges,**

*menerusi
jambatan,*

Malaysia-Singapore Second Crossing, Johor Darul Takzim
Lintasan Kedua Malaysia-Singapura, Johor Darul Takzim



**through public
transportation,**

*menerusi sistem
pengangkutan
awam,*



Kuala Lumpur Light Rail Transit (LRT)
Transit Aliran Ringan (LRT) Kuala Lumpur






**through
transportation
hubs,**

*menerusi hab
pengangkutan,*

Kuala Lumpur International Airport and klia2
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan klia2





**through
national
assets,**

*menerusi aset-aset
negara,*

Bukit Jalil National Stadium, Kuala Lumpur
Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur





**and through
safe and
functional
assets.**

*dan menerusi aset-aset
yang berfungsi dan
selamat.*

Williams Landing Train Station, Australia
Stesen Kereta Api Williams Landing, Australia

Cikopo-Palimanan Expressway, Indonesia
Lebuh raya Cikopo-Palimanan, Indonesia



Our horizons have become broader. We have expanded in key countries around the world, including India, Indonesia, Singapore, Australia, New Zealand, Canada and South Africa.

Sharing our expertise has led to the creation of milestone projects that continue to connect communities and stimulate development.

Kami telah melebarkan sayap ke beberapa negara utama dunia seperti India, Indonesia, Singapura, Australia, New Zealand, Kanada dan Afrika Selatan.

Kepakaran yang dikongsi telah menghasilkan projek-projek utama yang menghubungkan masyarakat dan merangsang pembangunan.



Kicking Horse Canyon Viaduct, Canada
Jejambat Kicking Horse Canyon, Kanada

Artist impression of Aurora Melbourne Central, Australia
Lakaran artis Aurora Melbourne Central, Australia



“As a result, friends and families became closer, communities became towns, towns became cities and cities became monuments symbolising a nation’s growth.”

Natijahnya, hubungan di antara rakan-rakan dan ahli keluarga menjadi lebih erat, komuniti membentuk pekan, pekan menjadi bandar dan bandar menjadi monumen yang melambangkan pertumbuhan sebuah negara.

**We want to create
opportunities that
enrich and enhance
lives, helping them
fulfill all their needs**

*Kami mahu mewujudkan
peluang-peluang bagi memperkaya
dan meningkatkan
taraf kehidupan masyarakat,
membantu memenuhi segala
keperluan mereka*

Our aim is to build a structure for society, one that strengthens communities, and enables individuals to live a better, happier and more fulfilling life.

Itizam kami adalah untuk membina satu struktur bagi mengukuhkan masyarakat dan membolehkan setiap individu menjalani sebuah kehidupan yang lebih selesa, bahagia dan memuaskan.



Artist impression of the Women & Children Hospital, Kuala Lumpur
Lakaran artis Hospital Wanita & Kanak-Kanak, Kuala Lumpur





Better healthcare services

*Perkhidmatan penjagaan kesihatan
yang lebih baik*



Wilson Special Needs School, Takapuna Auckland, New Zealand
Sekolah Khas Wilson, Takapuna Auckland, New Zealand

Improved access to education

Meningkatkan akses kepada pendidikan



Kolej Yayasan UEM (KYUEM), Lembah Beringin, Selangor Darul Ehsan
Kolej Yayasan UEM (KYUEM), Lembah Beringin, Selangor Ehsan





B4000 affordable homes, Brunei
Rumah mampu milik B4000, Brunei



Artist impression of Gerbang Nusantara, Iskandar Puteri (formerly known as Nusajaya), Johor Darul Takzim
Lakaran artis Gerbang Nusantara, Iskandar Puteri (dulu dikenali sebagai Nusajaya), Johor Darul Takzim

More affordable housing

Membina lebih banyak rumah mampu milik

Providing employment opportunities to local communities

Menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan





Bukit Gantang Tropical Fruits Village (Northbound) Perak Darul Ridzuan
Perkampungan Buah-buahan Tropikal Bukit Gantang (Arah Utara), Perak Darul Ridzuan

LENDING
A HELPING
HAND
TO OUR
COMMUNITIES

MEMBANTU KOMUNITI

**We play our part
in ensuring our
communities benefit
from our business
success**

*Sentiasa berperanan
untuk memastikan masyarakat
meraih manfaat daripada kejayaan
perniagaan kami*



RM82.8 MILLION

**Invested in Corporate Responsibility
and Human Capital Development initiatives
since 2013**

*RM82.8 juta dilaburkan untuk inisiatif-inisiatif
Tanggungjawab Korporat dan Pembangunan Modal Insan*



RM42.4 MILLION

**Invested in community engagement
and charitable activities from 2013 to 2015**

RM42.4 juta dilaburkan dalam aktiviti kebajikan dan pembangunan masyarakat dari tahun 2013 hingga 2015







“We believe education is a major component of social and economic development of Malaysia.”

Kami percaya pendidikan merupakan komponen utama di dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia.

Achieving sustainable progress through education for our communities

Mencapai kemajuan mampan di dalam komuniti kami menerusi pendidikan

We have adopted 44 schools under the PINTAR School Adoption Programme, one of the largest commitment undertaken by a company under the purview of PINTAR Foundation.

UEM Group telah mengambil 44 buah sekolah di bawah program Sekolah Angkat PINTAR. Komitmen ini antara yang terbesar dibuat oleh sesebuah syarikat di bawah kendalian Yayasan PINTAR.





SR 15

Anjuran

UEM 
SUNRISE

Ahli Kumpulan UEM

Dengan Kerjasama

BH
Berita Harian
PENDIDIKAN

BH **DIDIK**
Berita Harian

BH **MIND**
Berita Harian

SR 15

Education creates empowerment. Our belief is that quality education is the catalyst for social mobility

Pendidikan mewujudkan pemeraksanaan. Kami percaya bahawa pendidikan berkualiti merupakan pemangkin dalam merapatkan jurang sosioekonomi bagi masyarakat







RM54.0 MILLION

Social Return on Investment of UEM English Literacy Programme based on initial investment of RM3.0 million. The programme contributed to the development of 116 teachers and benefited more than 15,000 students

RM54.0 juta nilai pulangan sosial berdasarkan pelaburan sebanyak RM3.0 juta di dalam 'UEM English Literacy Programme'. Program ini telah memanfaatkan 116 guru dan lebih dari 15,000 pelajar





Tuition Programme

Program Tuisyen



Since 2013, we provided tuition classes for UPSR students covering subjects such as English, Science and Mathematics. This annual initiative was conducted in collaboration with local district and state education departments. It benefited 1,293 students from 46 schools.

Sejak tahun 2013, kami telah menyediakan kelas tuisyen untuk para pelajar UPSR yang meliputi mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Inisiatif tahunan ini dijalankan dengan kerjasama jabatan pendidikan negeri dan kerajaan tempatan. Program ini telah memberi manfaat kepada 1,293 pelajar dari 46 buah sekolah.

RM5.5 MILLION

Since 2013, our annual Back-to-School programme provided uniforms and other essential school supplies to more than 26,000 students throughout the country from less privileged backgrounds

RM5.5 juta telah disalurkan untuk program tahunan 'Back-to-School' yang telah menyumbang pakaian seragam serta kelengkapan sekolah kepada lebih 26,000 pelajar yang tidak berkemampuan di seluruh di seluruh negara, sejak 2013





Yayasan Amir

We provide financial assistance to two Yayasan Amir's Trust Schools located in Iskandar Puteri (formerly known as Nusajaya), Johor — Sekolah Kebangsaan Medini (primary school) and Sekolah Menengah Kebangsaan Medini (secondary school). UEM Group supports this initiatives that aims to improve the quality of education in public schools.

Kami menyediakan bantuan kewangan untuk dua buah Sekolah Amanah dibawah Yayasan Amir yang terletak di Iskandar Puteri (dahulu dikenali sebagai Nusajaya), Johor iaitu Sekolah Kebangsaan Medini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Medini. UEM Group menyokong inisiatif ini yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan berkualiti di sekolah awam.







UEM Group Young Executive Scheme (SL1M-YES)

Skim Latihan 1Malaysia UEM Group (SL1M-YES)

The objective of the SL1M-YES programme is to equip fresh graduates with the skills and hands-on experience to enhance their employment marketability.

Objektif program SL1M-YES adalah untuk melengkapkan para graduan dengan pengalaman serta kemahiran untuk meningkatkan peluang kebolehpasaran mereka.



“The key to success is not just what we already know but rather, what more we can do to further enhance our knowledge and skills.”

Kunci kejayaan tidak hanya terletak kepada apa yang telah dipelajari, tetapi apa yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan ilmu dan kemahiran.

As a business, we have ambitious targets that can only be achieved with the support of our employees. We have developed a culture of teamwork and mutual respect.

Sebagai entiti perniagaan, kami mempunyai sasaran dan wawasan yang tinggi yang hanya boleh dicapai dengan sokongan dari warga kerja. Kami telah menerapkan budaya kerja berpasukan dan perasaan saling menghormati antara satu sama lain.

RM40.3 MILLION

Human capital investment between 2013 and 2015

RM40.3 juta pelaburan modal insan di antara tahun 2013 dan 2015





Employees are the backbone of UEM Group and our most important asset. This is manifested through our commitment to enhance their professional development and growth. We believe empowering individuals with the right knowledge, skills and authority is fundamental in realising our employees' potential.

Warga kerja merupakan tunjang kepada UEM Group dan adalah aset paling berharga buat kami. Komitmen ini dizahirkan menerusi penambahbaikan pembangunan profesional dan kemahiran setiap individu. Berbekalkan pengetahuan, kemahiran dan kewibawaan ianya dapat merealisasikan potensi warga kerja kami.




We will only ever be as good as our employees. If we unleash their potential and let them grow, our organisation and wider society as well as the nation will stand to benefit.

Warja kerja kami merupakan pemangkin kejayaan. Dengan mengembangkan potensi mereka, kami, masyarakat serta negara berpeluang menikmati manfaat yang berterusan.



Continuous internal improvement means we can demand more of each other, so that we push beyond our boundaries and seize the opportunities presented to us.

Proses penambahbaikan yang berterusan pada setiap peringkat akan membantu kami mengorak langkah ke arah yang lebih maju dan berdaya saing sekali gus menggapai peluang yang lebih luas merentasi sempadan.



We have established an environment that promotes a positive culture we passionately believe in.

Kami telah mewujudkan satu persekitaran yang menggalakkan budaya kerja positif.





A growing army of volunteers

Bilangan sukarelawan meningkat

It is a source of great pride that many of our own staff volunteer their skills, time and effort.

Established in 2006, the UEM ALERT volunteer programme aims to improve lives and provide a helping hand to those around us. To achieve this, we readily remove our work gear and don the volunteers' t-shirt.

Sukarelawan yang menyumbang kemahiran, masa dan tenaga menjadi kebanggaan kami.

Program sukarelawan UEM ALERT ditubuhkan pada tahun 2006 untuk memberi ruang kepada warga kerja kami menyumbang kemahiran, masa dan bantuan kepada masyarakat setempat. Demi kesejahteraan kehidupan dan komuniti di sekeliling kami, mereka dengan rela hati menyalurkan baju-t sukarelawan apabila khidmat diperlukan.

Number of UEM ALERT Volunteers to date

Bilangan sukarelawan UEM ALERT terkini

709



In addition to social and environmental-related activities, our volunteers also provide immediate post-disaster relief and rehabilitation assistance across Malaysia

Sukarelawan kami turut menyumbang kepada aktiviti-aktiviti kebajikan dan alam sekitar dengan memberi bantuan pasca bencana serta sokongan pemulihan di seluruh Malaysia





In December 2014, during Malaysia's worst flood in decades, UEM ALERT volunteers delivered relief supplies and provisions to over 500 victims and took part in various clean-up efforts in affected areas in the country.

Pada Disember 2014, ketika Malaysia dilanda bencana banjir besar, sukarelawan UEM ALERT telah menyalurkan bekalan makanan dan keperluan kepada lebih 500 mangsa banjir. Mereka juga terlibat dalam pelbagai usaha pembersihan di kawasan-kawasan yang terlibat di seluruh negara.





We provided air transportation services to inaccessible areas. We delivered food and medical supplies and transported patients to nearby hospitals

Kami juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara ke kawasan pedalaman untuk menghantar bantuan makanan dan bekalan perubatan serta membawa pesakit ke hospital berdekatan



OUR STORY CONTINUES

KISAH KAMI SETERUSNYA

This is only the beginning. We are constantly driven by the desire to create a greater impact through social infrastructure and empowerment

Kisah kami baru bermula. Kami sentiasa ingin memberikan impak maksimum menerusi infrastruktur sosial dan pemerkasaan

Social infrastructure is one of the challenges of our time. If the need is met, communities are strengthened and the foundations are set for social development and further economic growth.

Our importance and relevance as a business is set to grow in Malaysia and further afield.

Penyediaan infrastruktur sosial adalah salah satu cabaran terbesar pada masa kini. Jika keperluan ini dapat dipenuhi, masyarakat dapat diperkukuhkan dan asas-asas bagi pembangunan sosial serta pertumbuhan ekonomi yang lebih besar dapat dicapai.

Kewujudan kami sebagai entiti perniagaan akan terus berkembang di Malaysia dan di luar negara.

Artist impression of affordable housing project by UEM Group
Lakaran artis projek perumahan mampu milik oleh UEM Group





We will continue to play an active role to create a better future for communities through improved physical connections.

Our organisation and our employees are committed to improvement.

We will constantly search for new ways to deliver our projects and services efficiently and effectively.

We will use business and technology to inspire and implement innovative solutions that will strengthen communities and improve the lives of individuals across the globe.

Kami akan terus menjadi lebih pro-aktif. Mencipta sebuah masa depan yang lebih cemerlang untuk masyarakat menerusi rangkaian perhubungan yang lebih baik.

Kami komited untuk terus cemerlang.

Kami akan sentiasa mencari wadah baharu bagi memastikan setiap projek dijalankan secara efektif lagi efisien.

Kami berazam untuk menyediakan penyelesaian inovatif demi mengukuhkan komuniti selain meningkatkan taraf kehidupan individu di seluruh dunia.

Whether it is Expressways, Township & Property Development, Engineering & Construction or Asset & Facility Management, we intend to be the best at what we do.

The success of our past initiatives and projects not only give us great confidence for the future, they act as an inspiration, motivating us to develop further in Malaysia and on the global stage.

We will approach everything with total assurance and absolute conviction. This intent will act as our driving force for the next 50 years because at UEM Group, our commitment remains — we will continue to build infrastructures, communities and nations.

Kami akan terus berusaha memberikan yang terbaik dalam setiap bidang yang diceburi sama ada ianya Lebuhraya, Pembangunan Perbandaran & Hartanah, Kejuruteraan & Pembinaan mahupun Pengurusan Aset & Fasiliti.

Kejayaan lalu yang kami kecapai bukan sahaja memberi keyakinan tinggi untuk masa depan, tetapi menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk kami terus berjaya di Malaysia dan di persada dunia.

Kami akan menghadapi setiap yang mendatang dengan penuh keyakinan dan kepercayaan. Ianya menjadi pemacu untuk tempoh 50 tahun yang akan datang kerana di UEM Group, keyakinan kami sentiasa teguh – kami akan terus membangunkan infrastruktur, komuniti dan negara.

Expressways
Lebuh Raya

PAVING THE WAY FORWARD

MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN

Township & Property Development
Pembangunan Perbandaran & Hartanah

SHAPING THE FUTURE

MEMBENTUK MASA DEPAN

Engineering & Construction
Kejuruteraan & Pembinaan

BUILDING NATIONS

MEMBANGUNKAN NEGARA

Asset & Facility Management
Pengurusan Aset & Fasilitas

EMPOWERED BY SCIENCE, INSPIRED BY HUMANS

DIJANAKAN OLEH SAINS, DIILHAMKAN OLEH INSAN

UEM Group Berhad (6551-K)

17-2, Mercu UEM, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2727 6868 Fax : +603-2727 2222 Email : enquiries@uemnet.com
www.uem.com.my

